



8 Oktober 2021  
8 October 2021  
P.U. (B) 499

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI  
KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN  
BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN  
BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG  
BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT  
CHINA, REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS  
VIET NAM**

***NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF  
ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTY  
WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF  
ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR  
EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA,  
THE REPUBLIC OF KOREA AND THE SOCIALIST REPUBLIC  
OF VIET NAM***

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

## NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(SR 01/21)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah dan diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 dan 7225.50.90 00 yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam (“dagangan subjek”) ke dalam Malaysia.

**Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran**

2. Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran adalah seperti yang berikut:

- (a) pelanjutan pengenaan duti anti-lambakan bagi dagangan subjek yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam adalah perlu untuk mengimbangi lambakan; dan
- (b) penamatan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan lambakan dan kemudaratan yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia.

**Duti anti-lambakan**

3. Duti anti-lambakan yang dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan**

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah lambakan dan kemudaratan yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

**Tempoh pengenaan duti anti-lambakan**

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai mulai 9 Oktober 2021 hingga 8 Oktober 2026.

## COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

## NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA, THE REPUBLIC OF KOREA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(SR 01/21)

IN exercise of the power conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made an affirmative final determination for the administrative review on the imposition of anti-dumping duty with regard to the imports of cold rolled coils of alloy and non-alloy steel of a thickness between 0.20 millimetres to 2.60 millimetres and width between 700 millimetres to 1,300 millimetres excluding tin mill black plate and imported for the purpose of automotive end-usage of all grades and specifications which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 and 7225.50.90 00 originating or exported from the People's Republic of China, the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam ("subject merchandise") into Malaysia.

**Reasons for affirmative final determination of administrative review**

2. The reasons for the affirmative final determination of the administrative review are as follows:

- (a) the continued imposition of the anti-dumping duty for the subject merchandise originating or exported from the People's Republic of China, the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam is necessary to offset dumping; and
- (b) the termination of anti-dumping duty would be likely to lead to continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry.

**Anti-dumping duties**

3. The anti-dumping duties to be imposed shall be as specified in the Schedule.

**Reason for the imposition of anti-dumping duties**

4. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 3 is to prevent the continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product.

**Period of imposition of anti-dumping duties**

5. The anti-dumping duties imposed under paragraph 3 shall apply from 9 October 2021 to 8 October 2026.

JADUAL/SCHEDULE  
[Perenggan 3/Paragraph 3]

DUTI ANTI-LAMBAKAN/ANTI-DUMPING DUTIES

Bil./ No.	Negara/ Country	Pengeluar atau Pengeksport/ Producer or Exporter	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]/ Rate of Duty [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
1.	Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	i. Bengang Steel Plates Co., Ltd.	42.08%
		ii. BX Steel POSCO Cold Rolled Sheet Co., Ltd.	35.89%
		iii. Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd.	42.08%
		iv. Lain-lain/ <i>Others</i>	42.08%
2.	Republik Korea/ <i>The Republic of Korea</i>	i. Hyundai Steel Company	11.55%
		ii. POSCO	NIL
		iii. Lain-lain/ <i>Others</i>	21.64%
3.	Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	i. China Steel Sumikin Viet Nam Joint Stock Company	33.70%
		ii. POSCO – Viet Nam Co., Ltd.	7.42%
		iii. Lain-lain/ <i>Others</i>	33.70%

Bertarikh 21 September 2021

*Dated 21 September 2021*

[MITI.S.600-2/2/16; PN(PU2)529/Jld. 30]

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
*Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri/  
Senior Minister of International Trade and Industry*